



# Idea Bernas LeapEd

## Coronavirus: buku untuk kanak-kanak

### Soalan Perbincangan

- ✓ Membincangkan isu yang membimbangkan anak-anak bukanlah satu perbincangan yang akan berakhir begitu sahaja. Pendekatan terbaik bagi topik seperti ini adalah dengan mengadakan beberapa perbualan kecil. Cara ini dapat memberikan masa kepada anak-anak untuk memikirkan perkara yang mereka telah katakan dan memberikan masa untuk refleksi.
- ✓ Kami mencadangkan supaya anda menggunakan cara ini semasa membaca buku Coronavirus: buku untuk kanak-kanak. Gunakan buku ini sebagai satu buku yang akan kerap diulangi, bukan sekadar untuk satu kali bacaan sahaja.
- ✓ Berikut adalah beberapa soalan yang boleh anda gunakan semasa membaca buku ini.



#### Selepas membaca buku ini, bincangkan:

- |          |   |          |   |          |  |
|----------|---|----------|---|----------|--|
| <b>1</b> | Apakah perkara yang kamu pelajari tentang COVID-19?               | <b>2</b> | Apakah perasaan kamu selepas membaca buku ini? Mengapa? | <b>3</b> | Adakah kamu teruja untuk kembali ke sekolah? Mengapa?  |
| <b>4</b> | Bagaimana kamu boleh membantu semua orang untuk sentiasa selamat? | <b>5</b> | Apa yang mungkin berlaku di masa hadapan?               | <b>6</b> | Adakah anda mengenali sesiapa yang dijangkiti virus COVID-19? Bagaimanakah kita boleh membantu mereka? |

- ✓ Jangan lupa bahawa, mendengar juga penting. Untuk mereka melibatkan diri, penting untuk anda menunjukkan kepada mereka bahawa anda menghargai apa yang mereka katakan. Jangan lupa untuk memberikan senyuman dan menenangkan mereka.
- ✓ Galakkan anak-anak bertanya soalan kepada anda. Hal ini merupakan peluang yang baik untuk anda berkongsi perasaan dan perkara yang penting untuk keluarga anda.

Anda mempunyai idea menarik untuk dikongsikan?

 [enquiry@leapedservices.com](mailto:enquiry@leapedservices.com)  
 [www.leapedservices.com](http://www.leapedservices.com)



Sertai kumpulan Telegram kami



LeapEd Services

